


ANGLICAN TRAINING INSTITUTE

PROSPEKTUS 2023/24

- ◆ SIJIL TEOLOGI
- ◆ DIPLOMA TEOLOGI
- ◆ IJAZAH SARJANA MUDA TEOLOGI
- ◆ IJAZAH SARJANA KETUHANAN
- ◆ IJAZAH SARJANA KETUHANAN LANJUTAN





KANDUNGAN

Perutusan

- Archbishop Datuk Melter Jiki Tais
- Dr James Ku
- Dr Khee-Vun Lin

Kronologi Visi

Modul A-Z

- Sijil Teologi
- Diploma Teologi
- Ijazah Sarjana Muda Teologi
- Ijazah Sarjana Ketuhanan
- Ijazah Sarjana Ketuhanan Lanjutan

Lain-lain

- Kemasukan
- Prosedur
- Pemindahan Kredit
- Syarat Penamatan Pengajian

Anglican Training Institute (ATI) menyediakan dan melengkapkan orang Kristian untuk pelayanan dengan cara yang mencerminkan keseluruhan iman kita. Pelajar ATI diajar untuk mengabdikan diri kepada Firman yang hidup, iaitu Alkitab. Mereka juga diberikan peluang untuk mengalami kuasa Roh Kudus dalam hidup dan pelayanan mereka, serta mempelajari cara membantu orang lain agar mengalaminya juga. Di samping itu, mereka mempelajari prinsip dan amalan teologi yang memudahkan pemahaman sifat Bapa syurgawi yang tidak berubah dan keagungan-Nya yang luar biasa.

Lukas 10:38-42 mengisahkan tentang Marta dan Maria. Marta sibuk "melayani" sehingga ia rasa ia tidak boleh duduk dekat kaki Yesus dan mendengar pengajaran Yesus, seperti saudarinya, Maria. Demikian juga, ada banyak orang percaya yang beriman sekarang ini, termasuk pekerja sepenuh masa, yang melayani Allah dengan bersemangat tetapi mereka tidak mengetahui cara mengintegrasikan latihan teologi dan praktikal ke dalam kehidupan mereka yang sibuk. Oleh itu, model ATI disesuaikan dengan golongan yang ingin dilatih dan dilengkапkan sementara meneruskan pelayanan masing-masing secara aktif. Melalui pengambilan kelas bermodul dan pelaksanaan kerja kursus, pelajar ATI dapat menyepakati pelayanan yang sedang dijalankan dengan pengajian serta latihan yang ketat. Oleh itu, mereka dapat meluangkan masa untuk duduk dekat kaki Yesus dan belajar daripada-Nya, sesudah itu kembali kepada konteks masing-masing penuh inspirasi, terpelajar dan lebih dilengkapi untuk melayani Tuhan dengan lebih berkesan.

Saya mendorong orang Kristian yang matang dan ingin melayani Allah untuk mempertimbangkan untuk mendaftar di ATI. Segala kemuliaan bagi Allah!

PERUTUSAN **BISYOP**

The Most Revd Datuk Melter Jiki Tais





PERUTUSAN **PENGERUSI LEMBAGA**

Dr James Ku Fon-Kiew

Dalam setiap lingkungan hidup, di Gereja maupun di dunia sekular, kepentingan latihan yang betul adalah amat penting. Anglican Training Institute (ATI) ditubuhkan untuk menyampaikan latihan bersepada kepada pekerja Diosis Anglikan Sabah, untuk misi, dan untuk perkembangan kerjaya. Setakat ini, ATI menyediakan latihan teologi dan praktikal yang seimbang bagi banyak paderi muda dan pekerja gereja yang sedang melayan secara aktif.

Kita hidup pada zaman digital yang sarat dengan maklumat pada tapak tangan kita. Menjalankan hidup sebagai orang percaya pada era baru ini memerlukan disiplin yang tinggi, kebijaksanaan, dan kearifan. Lebih-lebih lagi dalam kalangan pekerja sepenuh masa yang perlu memimpin jemaah berdasarkan dasar alkitabiah yang kukuh.

Oleh yang demikian, ATI telah melancarkan dua program baru – Sarjana Ketuhanan dan Sarjana Ketuhanan Lanjutan – untuk menggalakkan perkembangan dan pemerkasaan pekerja secara berterusan demi meluaskan dan mengemaskinikan pengetahuan, meningkatkan kemahiran, memperbaik pemahaman serta menerapkan semua ini dengan yakin dan kreatif dalam pelbagai peranan dan suasana. Dengan kata lain, kita harus menjadi pelajar sepanjang hayat.

Paulus dalam gesaannya kepada Timotius berkata: “Usahakanlah supaya engkau layak di hadapan Allah sebagai seorang pekerja yang tidak usah malu, yang berterus terang memberitakan perkataan kebenaran itu.” 2 Timotius 2:15

Pendek kata, objektif ATI ialah melatih pekerja yang arif dan dilengkapkan untuk mengendalikan ‘Firman Kebenaran’ dengan betul supaya umat Allah tidak disesatkan oleh pelbagai bidat. Mereka juga dilengkapkan dengan kemahiran yang penting dalam pelayanan melalui modul ‘pelayanan’ dan latihan semasa kerja.

Semoga Tuhan memberkati anda semasa anda memulakan pengajian anda.

Tahun 2023 menandakan ulang tahun ke-10 penubuhan Anglican Training Institute (ATI). Sebagai pengetua pengasas, saya bersyukur atas perkembangan ATI sepanjang 10 tahun yang lalu. Melalui kasih Karunia Allah, ratusan pelajar daripada pelbagai denominasi dan tempat telah menamatkan pengajian. Kini, mereka aktif dalam pelayanan dan memegang pucuk pimpinan. Program kami telah memperoleh akreditasi dan terbukti serba boleh berhadapan dengan pelbagai cabaran. Pelajar dilatih untuk mengatasi keperluan pelayanan semasa serta tuntutan bermisi masa depan.

Dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, kami akan memastikan bahawa lebih banyak pengikut Kristus diberikan peluang untuk memperoleh pendidikan teologi, sementara orang yang ingin melanjutkan pembelajaran teologi tidak diabaikan. Usaha akan dijalankan untuk menyediakan pendidikan teologi bagi semua orang, pada masa yang sama, program lepas ijazah akan dibangunkan dan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan serta luar negara akan dijalankan.

ATI terikat untuk menyediakan program akademik berkualiti sementara memastikan bahawa program kami (terutamanya Sijil Teologi dan tahun pertama Sarjana Ketuhanan) tetap tertumpu pada pelayanan praktikal. Tiada orang percaya harus mendapati program permulaan kami di luar keupayaan mereka sementara tiada lepasan program tiga atau empat tahun yang harus mendapati pengajian mereka bermutu lebih rendah daripada lepasan universiti atau kolej lain yang terkenal di seluruh dunia.

Atas sebab tersebut, saya menjemput anda untuk menyertai kami sementara kami memulakan perjalanan pembelajaran sepanjang hayat, kerana lebih mengenali Tuhan akan membolehkan kita untuk melayani Dia dengan lebih setia!

PERUTUSAN ***PENGETUA***

Rev Canon Dr Lin Khee-Vun



ATI sepintas lalu

Anglican Training Institute (ATI) telah berkembang menjadi sebuah institusi yang diiktiraf dalam kalangan komuniti Anglikan, di dalam dan di luar negara. ATI menggabungkan pendidikan teologi dengan pembangunan rohani dan kemahiran pelayanan, berasaskan etos Anglikan Sabah.

ATI (sebelumnya dikenali sebagai School of Ministry and Mission) bermula dengan 69 orang pelajar. ATI ditubuhkan pada tahun 2012 dengan perkongsian yang kuat dengan Jabatan Pengajian Luar Moore Theological College, Australia. Sejak penubuhannya, ATI telah menarik pelbagai jenis pelajar daripada seluruh diosis.

ATI terus berkembang; mengembangkan lingkungan teologi dan rohani pelajarnya, memperkayakan pelayanan mereka dengan kemahiran praktikal yang mendalam serta memelihara perjalanan mereka dengan Kristus dan memberikan inspirasi untuk memandang keperluan dunia ini.

ATI ditadbir oleh Lembaga ATI dan disokong oleh pelbagai jawatankuasa kecil termasuk Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum; ATI berusaha untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan perlengkapan berterusan dalam dunia kita yang pesat berubah. Kurikulum kami tidak memanjakan pelajar tetapi mendorong mereka untuk berfikir secara kritis, dari perspektif hidup Kristian. Modul yang ditawarkan dalam ketiga-tiga program – Sijil Teologi (CTh), Diploma Teologi (DipTh) dan Ijazah Sarjana Muda Teologi (BTh) – dirancang dengan baik dan sentiasa berkembang untuk mengintegrasikan isu dan cabaran semasa, serta perkembangan penting yang terkini. Di samping itu, program CTh, DipTh dan BTh kami diakreditasi oleh Asia Theological Association (ATA). Ini menempatkan kami setanding dengan banyak seminari terkenal dan membuka pintu untuk pengajian lanjut di institusi pengajian tinggi berakreditasi yang lain.

Setelah menjalankan beberapa kitaran kurikulum yang baru, fakulti dan pelajar sudah menyesuaikan diri dengan sistem jam kredit, penilaian yang berbagai-bagai, dan sistem penggredan terpiawai. Dengan kurikulum yang diperbaik, ATI turut membuka pintu kepada ahli gereja yang ingin pengayaan peribadi. Ahli gereja dijemput untuk mendaftar dan mengambil modul yang diminati, sama ada secara audit (tidak berkredit) atau berkredit ke arah pensijilan CTh, melalui program ATI-E (ATI-Extension Programme) yang baru dilancarkan.

Secara keseluruhan, ATI bertujuan menanamkan visi diosis, rasa kesatuan dan kekitaan, serta falsafah pelayanan asas yang akan dikongsi dengan seluruh diosis pada tahap asas pelatihan teologi pastor dan paderi yang berpotensi. Sementara kecemerlangan akademik dikejar dan dikekalkan, metodologi yang digunakan merangkumi unsur yang membolehkan latihan kemahiran dan watak. Maka, ATI bertujuan mencapai keseimbangan latihan teologi dan praktikal pelajar, memastikan bahawa mereka menamatkan pengajian dan menyertai pelayanan dengan yakin.



School of Ministry and Mission (SOMM) ditubuhkan

Semester sulung bermula dengan 69 orang pelajar (3 bahasa) untuk Sijil Teologi (ThC) MTC dan Sijil Pelayanan Diosis (DCM)



Ambassadors Programme dilancarkan menerusi jalinan kerjasama Jawatankuasa Misi Diosis (8 peserta)



Bengkel Tutor & Pemeriksa MTC dijalankan oleh the Rt Rev Gary Nelson

Latihan Tutor Modul Pelayanan Praktikal (PMM) dianjurkan

Fasa pertama penyusunan manual latihan kepada 5 jilid, PMM (3 bahasa)

2011

Rev Khee-Vun Lin dilantik sebagai pengurus latihan. Beliau telah menggabungkan Pengajian Luar MTC dan Modul Latihan Kaum Awam kepada satu kurikulum, yang membentuk asas bagi SOMM

**Program Latihan
Diosis diperkenalkan;**
tertumpu pada penterjemahan
bahan pengajaran

2009



**Modul Moore Theological College
(MTC) [Pengenalan Alkitab dan
Perjanjian Baru 1] diperkenalkan**

2010

Dinamakan semula sebagai
Anglican Training Institute

ATI



Pejabat ATI yang baru diberkati oleh the Rt Rev Albert Vun

Upacara Tamat Pengajian yang Kedua & Pembukaan Sekolah

Jawatankuasa Latihan dinamakan semula sebagai Lembaga ATI

Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum ditubuhkan

Menerima hak menterjemahkan Basic Christianity dan The Radical Disciple oleh John Stott, kepada Bahasa Melayu, daripada Inter-Varsity Press

2014



2015



Upacara Tamat Pengajian yang Ketiga & Pembukaan Sekolah (9 penerima DCM)

Kurikulum yang baru dibentangkan:

Program Sijil Teologi (CTh),
Diploma Teologi (DipTh)
& Ijazah Sarjana Muda Teologi (BTh)
diperkenalkan

Fakulti sepenuh masa yang baru,
Dr Kim Chang-Kyu & Lee So-Ra, disambut

CTh & DipTh menerima perakuan akreditasi
daripada ATA

Rev Khee-Vun Lin, pengasas, dilantik
sebagai pengetua ATI

Kitaran kedua Ambassadors Programme
diintegrasikan dengan DCM (9 peserta)

Upacara Tamat Pengajian yang Pertama
& Pembukaan Sekolah yang Kedua
(9 penerima ThC & DCM)

ATI menjadi Ahli Bersekutu Asia
Theological Association (ATA)

Latihan Semester XEE dijalankan atas
usaha sama EE Malaysia & ATI

2013

2016

Upacara Tamat Pengajian yang Keempat
& Pembukaan Sekolah (3 penerima DDM,
9 penerima DCM, 9 peserta Ambassadors
Programme)

2017

Pengerusi & ahli yang baru Lembaga ATI dilantik

Upacara Tamat Pengajian yang Kelima & Doa Petang (6 penerima BTh, 8 penerima DipTh, 22 penerima CTh)

Pustakawan ATI melengkapkan latihan kepustakawanan di South Asia Institute of Advanced Christian Studies (SAIACS)

Kelas Bahasa Inggeris diperkenalkan



2018

Upacara Tamat Pengajian yang Keenam & Doa Petang (6 penerima BTh, 13 penerima DipTh, 15 penerima CTh)

ATI Extension Programme (ATI-E) dilancarkan

Program BTh memohon perakuan akreditasi daripada ATA



Pengetua ATI, Rev Canon Dr Khee-Vun Lin melengkapkan pengajiannya dan memperoleh Doktor Pelayanan

Senarai Semakan Pementoran dan Pelayanan Praktikal dilaksanakan bermula Januari

Upacara Tamat Pengajian yang Ketujuh & Doa Petang (8 penerima BTh, 11 penerima DipTh, 12 penerima CTh)

Kelas ATI-E di Pantai Barat: All Saints' Cathedral, Faith Christian Centre; Zon Tengah: Daerah Misi Epiphany, Daerah Misi St Barnabas, Daerah Misi St John; Pantai Timur: St Patrick's Church, Church of the Good Shepherd, Good Tiding's Anglican Church, Daerah Misi St Augustine, St Mark's Anglican Church, St Michael & All Angels' Church



2019

2020

**CTh & DipTh diakreditasi semula;
BTh diakreditasi oleh ATA pada
6hb Mac**

Persekutuan Pembelajaran dalam Talian
(Online Learning Environment, OLE)
melalui Zoom & MOODLE dilancarkan
dalam bulan Mei

Program Sarjana Ketuhanan (Mdiv)
(Bahasa Inggeris) akan diperkenalkan
tidak lama lagi



Ceramah dalam talian diperkenalkan
dalam bulan Mac

Upacara Tamat Pengajian yang Kelapan &
Doa Petang (16 penerima BTh, 15
penerima DipTh, 10 penerima CTh)

Dana Biasiswa dilancarkan

Program Mdiv dilancarkan

Alumni ATI dilancarkan

2021

Upacara Tamat Pengajian yang Kesembilan & Doa Petang

Program Doktor Pelayanan (DMin) dilancarkan

Memorandum Persefahaman (MoU) antara MTC dan ATI
ditandatangani pada 4hb Mac

MoU antara Logos Evangelical Seminary (LES), Taiwan,
dan ATI ditandatangai pada 1hb Julai

Perpustakaan ATI dipindahkan ke tingkat bawah Wisma
Anglican

Pejabat ATI (tingkat 4) diubah suai – 4 buah bilik ditambahkan



2022

台湾正道福音神学院

教牧学博士科

VISI

Memperlengkapkan pastor dan jemaat
yang komited untuk membina
gereja setempat yang **TEGUH**
di dalam dan di luar Sabah, yang
BERSEMANGAT dalam penyembahan,
BERKUASA semasa berkhutbah
dan **BERSEDIA** untuk misi serta
penginjilan yang efektif.

Konteks -

Global dan Setempat

Bersekutu dengan Jawatankuasa Vokesyen Diosis untuk melatih golongan yang telah memberikan respons terhadap panggilan mereka

Memupuk interaksi antara orang daripada pelbagai latar belakang di seluruh diosis

Latihan dan Pemuridan

Model mentor-perantisan oleh paderi/pastor setempat dan latihan semasa kerja

Latihan dan Persekutuan

Latihan dan Misi

Usaha bersama dengan Jawatankuasa Misi Diosis untuk melatih misionari

Amalan terbaik dari Barat disepadukan dengan kebijaksanaan setempat untuk membentuk etos Anglikan Sabah yang tersendiri

LATIHAN BERSEPADU

5 LIPAT

Model latihan bersepadu lima lipat yang menjadi kebanggaan dikembangkan kepada lima prinsip yang khusus – VITAL:

Vision

// Visi //

Memperlengkapan pastor dan jemaat yang komited untuk membina gereja setempat yang teguh di dalam dan di luar Sabah, yang bersemangat dalam penyembahan, berkusa semasa berkhutbah dan bersedia untuk misi serta penginjilan yang efektif

Integration

// Penyepaduan //

Menyepadukan pengetahuan dan aplikasi dunia sebenar, dan mewujudkan jalinan hubungan antara pelajar merentasi diosis dan merentasi bahasa seawal semester yang pertama

Talent

// Bakat //

Menguruskan dan menemukan bakat dan potensi di samping panggilan bakal pelajar dan pelajar semasa untuk membangunkan mereka demi mengerjakan iman dengan berani

Attitude

// Sifat //

Memupuk sikap yang positif dan rendah hati, yang disesuaikan dengan kerajaan Allah

Leadership

// Kepimpinan //

Menghasilkan graduan yang boleh memimpin dengan efektif di mana jua mereka ditempatkan

SIJIL TEOLOGI

Program Sijil Teologi (CTh) dijalankan selama satu tahun akademik (hingga dua tahun) dan direka bentuk untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi, di samping kematangan rohani untuk pelayanan gereja. CTh merupakan syarat kemasukan bagi program Diploma Teologi di Anglican Training Institute (ATI). ATI memberikan tekanan yang kuat pada tahap latihan formatif ini dengan memastikan reka bentuk kurikulum dan penyampaiannya membantu pelajar membentuk kerohanian yang mendalam dan asas alkitabiah yang kukuh. Anggota jemaat digalakkan untuk mendaftar untuk modul pada tahap ini.

SYARAT KEMASUKAN

Permohonan Kemasukan

- a. Lengkapkan dan hantar borang permohonan.
- b. Sertakan sekeping gambar terkini berukuran passport.
- c. Sertakan salinan kad pengenalan atau passport.

Surat Sokongan

Surat sokongan daripada Paderi/Pastor penguasa.

Syarat Kelayakan Minimum

- a. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 kredit termasuk Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris atau kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya.
- b. Kelayakan lain yang diiktirafkan setara oleh ATI Academic Team.

Yuran Permohonan

Yuran permohonan berjumlah RM100 yang tidak akan dikembalikan akan dikenakan. Anda boleh membayar melalui pemindahan dana elektronik atau DuitNow.



KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
R101	R	Kemahiran Kajian dan Penulisan 1	1
B101	B	Pengenalan Alkitab	2
B102	B	Injil Markus	2
B103	B	Surat-surat Paulus	2
B104	B	Pentateukh	2
B105	B	Nabi-nabi	2
T101	T	Asas-asas KeKristianan	2
T103	T	Mengenal Allah	2
T104	T	Gereja dan Sakramen	2
P101	P	Kerohanian yang Sihat Secara Emosi	2
P102	P	Kehidupan yang Dipenuhi Roh	3
P103	P	Bagaimana Berdoa Secara Efektif	2
P104	P	Memimpin Pujian	2
P105	P	Penginjilan dan Bimbingan Asas	2
P106	P	Bagaimana Menasihati dengan Efektif	2
P107	P	Asas Berkutbah	2
P108	P	Kepemimpinan Pastoral 1	2
P110	P	Pelayanan di Sabah dan Malaysia	2
Jumlah			36 Kredit

DIPLOMA TEOLOGI

Lulusan program CTh boleh melanjutkan pengajian ke tahap Diploma Teologi yang djalankan selama satu tahun akademik (hingga dua tahun). Di tahap ini, pelajar dikehendaki mengintegrasikan pengetahuan dan mula menunjukkan keupayaan menganalisis dan menaakul berdasarkan teologi. Melalui program ini, pelajar akan memahami gambaran keseluruhan Alkitab dan kandungannya, asas konsep teologi dan doktrin tentang Allah, Kristus dan keselamatan dalam konteks sejarah, di samping kepemimpinan pastoral dan kemahiran pelayanan, yang membolehkan mereka untuk memainkan peranan pemimpin pelayanan dalam konteks gereja setempat.

Permohonan Kemasukan

- Lengkapkan dan hantar borang permohonan.
- Sertakan sekeping gambar terkini berukuran passport.
- Sertakan salinan kad pengenalan atau passport.

Surat Sokongan

Surat sokongan daripada Paderi/Pastor penguasa.

Syarat Kelayakan Minimum

- Memiliki Sijil Teologi ATI dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.0.
- Kelayakan lain yang diiktirafkan setara oleh ATI Academic Team.

Yuran Permohonan

Yuran permohonan berjumlah RM100 yang tidak akan dikembalikan akan dikenakan. Anda boleh membayar melalui pemindahan dana elektronik atau DuitNow.

KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
R201	R	Kemahiran Kajian dan Penulisan 2	1
B201	B	Kisah Para Rasul	2
B202	B	Surat-surat yang Kemudian	2
B203	B	Kitab-kitab Sejarah	2
B204	B	Injil dan Surat-surat Yohanes	2
B205	B	Pentafsiran Alkitab	2
B206	B	Latar Belakang Sejarah Perjanjian Baru	2
B207	B	Latar Belakang Sejarah Perjanjian Lama	2
T203	T	Kristus dan Keselamatan	2
T204	T	Gereja Anglikan	3
T205	T	Apologetik dan Penginjilan	2
T206	T	Sejarah Gereja Awal	3
T207	T	Sejarah Reformasi Gereja	3
P201	P	Mobilisasi Penginjilan (Alpha & XEE)	3
P202	P	Pelepasan dan Peperangan Rohani	3
P203	P	Kepemimpinan Pastoral 2	3
P204	P	Kerohanian Kristian	2
P205	P	Kerja Lapangan	1

Jumlah

40 Kredit



IJAZAH SARJANA MUDA TEOLOGI

Program Ijazah Sarjana Muda Teologi (BTh) yang dijalankan selama satu tahun akademik (hingga dua tahun) menggunakan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diperoleh di tahap sijil dan diploma, dan mengintegrasikan modul alkitabiah, teologi dan kepemimpinan pastoral tahap sarjana muda. Modul di tahap ini ialah mata pelajaran khusus yang disesuaikan untuk pemimpin pelayanan, terutamanya calon untuk pentadbisan dan pastor yang akan mengetuai gereja atau pelayanan. Pelajar akan dilatih untuk berfikiran kritis, di samping bersikap taat setia, bersemangat, penyayang, rendah diri, berani dan berhasil. Isu penting berkenaan menggembalakan gereja akan ditangani di tahap ini, melengkapkan pelajar untuk menamatkan pengajian dengan yakin, menguasai pelbagai pelayanan praktikal dan pelbagai disiplin akademik. Mereka akan memiliki kejelasan akan seruan mereka dan bersedia untuk memimpin serta melayani.

SYARAT KEMASUKAN

Permohonan Kemasukan

- Lengkapkan dan hantar borang permohonan.
- Sertakan sekeping gambar terkini berukuran passport.
- Sertakan salinan kad pengenalan atau passport.

Surat Sokongan

Surat sokongan daripada Paderi/Pastor penguasa.

Syarat Kelayakan Minimum

- Memiliki Diploma Teologi ATI dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.0.
- Kelayakan lain yang diiktirafkan setara oleh ATI Academic Team.

Yuran Permohonan

Yuran permohonan berjumlah RM100 yang tidak akan dikembalikan akan dikenakan. Anda boleh membayar melalui pemindahan dana elektronik atau DuitNow.

KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
B301	B	Asas Bahasa Yunani Alkitabiah	3
B302	B	Hermeneutik	3
B303	B	Pengajian Perjanjian Baru Lanjutan	3
B304	B	Pengajian Perjanjian Lama Lanjutan	3
B305	B	1 & 2 Korintus	3
T301	T	Teologi Kristian 1	3
T302	T	Teologi Kristian 2	3
T305	T	Etika Kristian	2
P301	P	Homiletik	2
P302	P	Penyembahan dan Liturgi	2
P303	P	Kepemimpinan Pastoral 3	2
P304	P	Kepemimpinan Pastoral 4	3
P307	P	Misi dan Konteks	3
P308	P	Kerja Lapangan & Pelayanan Praktikal	3
ELEKTIF			
B306	B	Asas Bahasa Ibrani Alkitabiah	3
B307	B	Kitab Ulangan	3
B308	B	Kitab Mazmur dan Kesusasteraan Hikmat	3
B309	B	Kitab Wahyu	3
B310	B	Pneumatologi dalam Perjanjian Baru	3
B311	B	Kitab Yesaya	3
T307	T	Falsafah – Sejarah dan Isu-isu Kontemporari	3
P305	P	Pendidikan Kristian	3
P402	P	Misi dalam Konteks Agama Malaysia	3
Jumlah	Modul Teras 38 kredit + Elektif 6 kredit	= 44 Kredit	

IJAZAH SARJANA KETUHANAN

Program Sarjana Ketuhanan (108 jam kredit) ini merupakan program asas yang dijalankan selama tiga tahun akademik untuk melatih dan melengkapkan pelajar untuk pelayanan pastoral atau kepaderian sepenuh masa.

Permohonan Kemasukan

- Lengkapkan dan hantar borang permohonan.
- Sertakan sekeping gambar terkini berukuran passport.
- Sertakan salinan kad pengenalan atau passport.

Surat Sokongan

Surat sokongan daripada Paderi/Pastor penguasa.

Transkrip Rasmi

Sertakan salinan transkrip rasmi bagi SEMUA pengajian tinggi di institusi yang telah mendapat perakuan akreditasi, dengan PNGK minimum 3.0 di tahap pengajian siswazah.


Yuran Permohonan

Yuran permohonan berjumlah RM100 yang tidak akan dikembalikan akan dikenakan. Anda boleh membayar melalui pemindahan dana elektronik atau DuitNow.

Kecekapan Bahasa Inggeris

Pemohon mesti memenuhi syarat kelayakan minimum Bahasa Inggeris.

SYARAT KEMASUKAN



Bagi pelajar yang diterima terus untuk program Mdiv,
untuk siswazah.

TAHUN 1

KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
R301	R	Kemahiran Kajian dan Penulisan 3	1
B101	B	Pengenalan Alkitab	2
B102	B	Injil Markus	2
B103	B	Surat-surat Paulus	2
B104	B	Pentateukh	2
B105	B	Nabi-nabi	2
B205	B	Pentafsiran Alkitab	2
B206	B	Latar Belakang Sejarah Perjanjian Baru	2
T103	T	Mengenal Allah	2
T104	T	Gereja dan Sakramen	2
T105	T	Asas-asas KeKristianan dengan Kristus dan Keselamatan	2
T206	T	Sejarah Gereja Awal	3
P104	P	Memimpin Pujian	2
P107	P	Asas Berkhutbah	2
P108	P	Kepemimpinan Pastoral 1	2
P109	P	Kehidupan Rohani	3
P110	P	Pelayanan di Sabah dan Malaysia	2
P205	P	Penginjilan dan Bimbingan	2
			Jumlah 37 Kredit



TAHUN 2

KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
B201	B	Kisah Para Rasul	2
B202	B	Surat-surat yang Kemudian	2
B203	B	Kitab-kitab Sejarah	2
B204	B	Injil dan Surat-surat Yohanes	2
B207	B	Latar Belakang Sejarah Perjanjian Lama	2
B301	B	Asas Bahasa Yunani Alkitabiah	3
B302	B	Hermeneutik	3
B303	B	Pengajian Perjanjian Baru Lanjutan	3
T207	T	Sejarah Reformasi Gereja	3
T208	T	Pengajian Anglikan	3
T301	T	Teologi Kristian 1	3
P203	P	Kepemimpinan Pastoral 2	3
P204	P	Kerohanian Kristian	2
P206	P	Pelepasan dan Kaunseling	3
Jumlah			36 Kredit

TAHUN 3

KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
B304	B	Pengajian Perjanjian Lama Lanjutan	3
B305	B	1 & 2 Korintus	3
B404	B	Sejarah dan Kesusasteraan Yahudi daripada Tempoh Bait Suci yang Kedua	3
B405	B	Kitab Roma dan Teologi Paulus	3
T302	T	Teologi Kristian 2	3
T403	T	Etika Kristian dan Isu-isu Global Semasa	3
P301	P	Homiletik	2
P303	P	Kepemimpinan Pastoral 3	2
P304	P	Kepemimpinan Pastoral 4	3
P305	P	Pendidikan Kristian	3
P307	P	Misi dan Konteks	3

TAHUN 3

KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
ELEKTIF			
B306	B	Asas Bahasa Ibrani Alkitabiah	3
B307	B	Kitab Ulangan	3
B308	B	Kitab Mazmur dan Kesusasteraan Hikmat	3
B309	B	Kitab Wahyu	3
B310	B	Pneumatologi dalam Perjanjian Baru	3
B311	B	Kitab Yesaya	3
B401	B	Bahasa Yunani Alkitabiah Pertengahan	3
B402	B	Kitab Kejadian	3
B403	B	Kitab Ulangan dan Sejarah Deutronomistik	3
T205	T	Apologetik dan Penginjilan	2
T307	T	Falsafah – Sejarah dan Isu-isu Kontemporari	3
T401	T	Sejarah Pasca-Reformasi Gereja	3
T402	T	Kepentingan Gereja Orang Percaya dan Keterterapan Sezamannya dalam Gereja	3
T404	T	Sejarah Gereja Asia	3
T405	T	Teologi Moden	3
P401	P	Eklesiologi Misi dalam Konteks Kontemporari	3
P402	P	Misi dalam Konteks Agama Malaysia	3
P405	P	Pengurusan Kristian	3
P406	P	Kemahiran Komunikasi	3
R401	R	Metodologi Tesis	3
D401	D	Disertasi	6
Jumlah	Modul teras 29 kredit + Elektif 7 kredit atau lebih		= 36 Kredit atau lebih

IJAZAH SARJANA KETUHANAN LANJUTAN

Program Sarjana Ketuhanan Lanjutan (60 jam kredit) ini dijalankan selama dua tahun akademik secara sepenuh masa dan dikhurasukan untuk pemegang Ijazah Sarjana Muda Teologi ATI yang ingin meningkatkan kecekapan kepemimpinan dan melanjutkan pelajaran.

Permohonan pemohon dengan ijazah Pengajian Teologi dari seminari yang lain tertakluk kepada penilaian dalaman. Pemohon dalam kategori ini mungkin perlu melengkapkan dan lulus modul prasyarat yang berkenaan untuk memenuhi syarat kemasukan. Setiap permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit mengikut kes.

SYARAT KEMASUKAN

Permohonan Kemasukan

- Lengkapkan dan hantar borang permohonan.
- Sertakan sekeping gambar terkini berukuran passport.
- Sertakan salinan kad pengenalan atau passport.

Surat Sokongan

- Surat sokongan daripada Paderi/Pastor penguasa.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman pelayanan Kristian (termasuk latihan amali semasa program pengajian).

Transkrip Rasmi

Sertakan salinan transkrip rasmi bagi SEMUA pengajian tinggi di institusi yang telah mendapat perakuan akreditasi, dengan PNGK minimum 3.0 di tahap pengajian siswazah.

Yuran Permohonan

Yuran permohonan berjumlah RM100 yang tidak akan dikembalikan akan dikenakan. Anda boleh membayar melalui pemindahan dana elektronik atau DuitNow.

Kecekapan Bahasa Inggeris (Bukan pemegang BTh ATI)

Pemohon mesti memenuhi syarat kelayakan minimum Bahasa Inggeris.

Bagi pemegang BTh ATI dengan PNGK 3.0 dan ke atas.

KOD	BIDANG	MODUL	MATA KREDIT
B306	B	Asas Bahasa Ibrani Alkitabiah	3
B403	B	Kitab Ulangan dan Sejarah Deuteronomistik	3
B404	B	Sejarah dan Kesusasteraan Yahudi daripada Tempoh Bait Suci yang Kedua	3
B405	B	Kitab Roma dan Teologi Paulus	3
T401	T	Sejarah Pasca-Reformasi Gereja	3
T402	T	Kepentingan Gereja Orang Percaya dan Keterterapan Sezamannya dalam Gereja	3
T403	T	Etika Kristian dan Isu-isu Global Semasa	3
P305	P	Pendidikan Kristian	3
P403	P	Kerja Lapangan I	3
R401	R	Metodologi Tesis	3
D401	D	Disertasi	6

ELEKTIF

R402	R	Kemahiran Bahasa Inggeris Akademik	3
B401	B	Bahasa Yunani Alkitabiah Pertengahan	3
B402	B	Kitab Kejadian	3
B308	B	Kitab Mazmur dan Kesusasteraan Hikmat	3
B310	B	Pneumatologi dalam Perjanjian Baru	3
T307	T	Falsafah – Sejarah dan Isu-isu Kontemporari	3
T404	T	Sejarah Gereja Asia	3
T405	T	Teologi Moden	3
P401	P	Eklesiologi Misi dalam Konteks Kontemporari	3
P402	P	Misi dalam Konteks Agama Malaysia	3
P405	P	Pengurusan Kristian	3
P406	P	Kemahiran Komunikasi	3
P407	P	Kerja Lapangan II	3
P408	P	Kerja Lapangan III	3

Jumlah

Modul Teras 36 kredit + Elektif 24 kredit

= 60 Kredit

KEMASUKAN

Permohonan kemasukan dibuka sepanjang tahun.

Anda mesti memenuhi syarat kemasukan minimum ATI, walau bagaimanapun, setiap pemohon dinilai secara berasingan berdasarkan keupayaan akademik, bakat dan potensi, pengesyoran paderi/pastor penguasa.

PROSEDUR

Borang permohonan tersedia di pejabat ATI di Wisma Anglican, gereja setempat kami, atau boleh dimuat turun di atidos.org. Lengkapkan borang permohonan dan hantar ke pejabat ATI dengan yuran pendaftaran yang tidak akan dikembalikan serta dokumen sokongan yang perlu dikemukakan.

Surat sokongan paderi/pastor penguasa anda mesti dilampirkan. Temu duga mungkin diatur untuk kes tertentu.



PEMINDAHAN KREDIT

Sekiranya anda pernah mengambil kursus yang serupa dari institusi yang telah mendapat perakuan akreditasi dan diiktiraf, anda boleh memohon untuk memindahkan kredit ke program yang sedang diikuti. Kriteria pemindahan kredit termasuk:

- ◆ Kesetaraan dan kebolehbandingan hasil pembelajaran, jumlah pembelajaran, kandungan kursus dan penilaian kursus yang telah diambil.
 - ◆ Kebolehgunaan kursus terhadap program yang sedang diikuti.
- Pencapaian anda dalam kursus yang telah diambil.

Kredit yang dipindahkan tidak dimasukkan dalam transkrip anda dan tidak diambil kira dalam PNGK anda. Anda mungkin dikehendaki mengambil tugas tambahan, sesudah pemindahan kredit diluluskan, jika standard kursus sebelumnya tidak setara dengan standard ATI.

SYARAT PENAMATAN PENGAJIAN

Pelajar mesti memenuhi syarat penamatan pengajian yang berikut:

- ◆ Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.0
- ◆ Wajib melengkapkan semua modul Bahasa Inggeris
- ◆ Wajib menghantar semua penilaian
- ◆ Menjelaskan semua yuran



HUBUNGI KAMI



ANGLICAN TRAINING INSTITUTE

4th Floor, Wisma Anglican, Jalan Lee Tet Phui,
88000 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Nombor Telefon

(60) 88 440 330 / (60) 14 6790703

Alamat E-mel

iloveatidos@gmail.com

Laman Web

www.atidos.org

